



Motif Seni Sulaman Kelingkan dalam Masyarakat Melayu di Negeri Kelantan

Kelingkan Embroidery Art Motifs in The Malay Community in Kelantan

Nik Norimani Mat Hassan*, Yusmilayati Yuno & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.*

*Corresponding author: P145363@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.26.2025>

Abstract

The objective of this writing is to identify the meaning, symbolism and motifs of the kelingkan embroidery among the Malay community in Kelantan. This study utilizes a qualitative method by analyzing the data in an inductive and descriptive manner, which explains nature motifs through interviews with notable figures. This study makes use of thematic analysis to fully understand the collected data according to the categorized motifs. The concept of motifs is used as a guide to research involving words and pictures, which are not in data form. In a cultural context, kelingkan embroidery not only has decorative functions, but also symbolizes the identity and tradition of the Malay community. It is often used in the manufacturing of shirts, sarong, and other various accessories. The initial findings demonstrate that this embroidery displays the beauty and harmony of nature through motifs such as Sulur Kacang, Bunga Ros, Asam Gelugor/ Asam Tampuk, Petola Mahkota dan Geometry. In addition, kelingkan embroidery also involves the skills and creativity of its embroiderers. This writing also shows that the motifs of kelingkan embroidery often depict the social status in the palace. The kelingkan motif is described as one of the high value embroidery due to its complicated manufacturing techniques and unique motifs. Sulaman kelingkan is considered as a national heritage artform that has a higher value than textile art. Kelingkan is a symbol of culture as well as identity of the Malay community that is rich in history and meaning. Through preservation and innovation, this art can continue to develop and flourish, preserving its traditional heritage while adapting to modern times.

Keywords: *beauty, harmony, identity, inheritance, preservation, tradition*

Abstrak

Objektif penulisan ini untuk mengenal pasti motif seni sulaman kelingkan dalam masyarakat Melayu di Negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis data secara induktif dan deskriptif serta menghuraikan motif alam melalui temu bual bersama tokoh. Penyelidikan ini juga menggunakan analisis tematik untuk memahami data yang dikumpulkan mengikut motif yang telah dikategorikan. Konsep motif digunakan sebagai panduan kepada penyelidikan yang melibatkan perkataan dan gambar serta bukan dalam bentuk data. Dalam konteks budaya, sulaman kelingkan bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga sebagai simbol identiti dan tradisi masyarakat Melayu. Sulaman ini sering digunakan dalam pembuatan baju, kain sarung dan pelbagai aksesori lain. Dapatan awal berkenaan sulaman ini memaparkan keindahan dan keharmonian alam semula jadi melalui Motif Sulur Kacang, Motif Bunga Ros, Motif Asam Gelugor/ Asam Tampuk, Motif Petola Mahkota dan Motif Geometri. Selain itu, sulaman kelingkan juga melibatkan kemahiran dan kreativiti penyulam. Penulisan ini juga menunjukkan motif seni sulaman kelingkan yang menggambarkan status dan taraf kedudukan golongan berpangkat di istana. Implikasi penulisan ini menunjukkan motif kelingkan sebagai salah satu seni sulaman bernilai tinggi mutunya kerana teknik pembuatannya yang rumit dan mempunyai motif unik. Sulaman



kelingkan merupakan warisan khazanah negara yang tinggi nilainya melebihi sekadar seni tekstil. Kelingkan adalah simbol budaya serta identiti masyarakat Melayu yang kaya dengan sejarah dan makna. Melalui usaha pelestarian dan inovasi, seni ini dapat terus hidup dan berkembang, mengekalkan warisan tradisional sambil menyesuaikan diri dengan zaman moden.

Kata Kunci: identiti, keindahan, keharmonian, pelestarian, tradisi, warisan

Pengenalan

Kelantan adalah sebuah negeri yang kaya dengan geobudaya yang mempunyai persamaan tersendiri meliputi etnologi, linguistik (bahasa), antropologi (sejarah budaya), kesenian, pakaian, perhiasan, nilai-nilai hidup, falsafah, pemikiran dan bentuk-bentuk budaya benda dari aspek seni bina, peralatan hidup dan kemiripan adat resam antara satu sama lain (A. Aziz Deraman, 2018). Seni sulaman kelingkan merupakan salah satu seni warisan yang kaya dengan budaya dan identiti masyarakat Melayu khususnya di Negeri Kelantan. Sulaman kelingkan ini mempunyai maksud serta simbol kepada taraf dan darjat pemakaian pada zaman dahulu. Namun, pada hari ini seni sulaman kelingkan mengalami masalah kepupusan kerana masalah kekurangan penyulam mahir dan tiada pendedahan tentang seni sulaman kepada masyarakat Kelantan. Kekurangan bahan rujukan atau dokumentasi tentang kelingkan dan motif sulamannya juga menyebabkan generasi hari ini semakin tidak mengenali seni tradisi warisan ini. Kain kelingkan sering digunakan oleh kaum wanita yang sangat komited dengan hiasan sulaman seperti hujung selendang, pakaian, barangan hantaran dan sebagainya. Seni Sulaman ini terkenal dengan kemahiran hasil kerja tangan yang sangat khusus dan halus pembuatannya. Teknik ini memerlukan kemahiran yang tinggi dan ketelitian yang mendalam, kerana benang logam tersebut perlu dijahit dengan tepat dan rapi agar corak yang dihasilkan nampak kemas dan menarik. Motif sulaman kelingkan biasanya diilhamkan daripada unsur-unsur alam semula jadi seperti daunpaku dan daun keladi dan kini motif abstrak yang melibatkan bentuk geometri dan pola berulang juga telah dikomersialkan. Setiap motif ini mempunyai makna simbolik yang tersendiri dan sering dikaitkan dengan nilai-nilai budaya dan kepercayaan masyarakat Melayu. Sulaman kelingkan mempunyai kepentingan yang besar dalam kebudayaan Melayu. Ia bukan sahaja merupakan simbol kekayaan dan kehalusan seni, tetapi juga melambangkan status dan kedudukan sosial. Tujuan penulisan ini adalah untuk menerangkan dan mengenalpasti motif sulaman kelingkan Kelantan yang melambangkan keindahan seni, warisan budaya, dan identiti masyarakat Melayu yang perlu dihargai dan dipelihara.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis data secara induktif dan deskriptif dengan menghuraikan motif alam melalui temu bual bersama tokoh. Penyelidikan ini menggunakan analisis tematik iaitu memahami data yang dikumpulkan mengikut motif yang telah dikategorikan. Konsep motif yang digunakan ini merupakan panduan kepada penyelidikan yang melibatkan perkataan dan gambar dan bukannya dalam bentuk data. Penyelidikan ini dijalankan di Kota Bharu Kelantan dengan menemu bual dua (2) orang tokoh seni sulaman kelingkan Kelantan yang masih aktif iaitu Nik Marhammah Nik Megat dan Nik Rahimah Nik Idris. Kajian terhadap motif seni sulaman kelingkan dalam masyarakat Melayu di negeri Kelantan ini juga menggunakan pendekatan etnografi iaitu kaedah yang mendeskripsi dan menganalisis motif berdasarkan perkembangan budaya.



Dapatan

Sulaman kelingkan ini merujuk kepada seni menghias kain dengan menggunakan teknik sulaman dengan menghasilkan corak yang indah. Dalam konteks budaya, sulaman kelingkan bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga sebagai simbol identiti dan tradisi masyarakat Melayu. Ia sering digunakan dalam pembuatan baju, kain sarung, dan pelbagai aksesori lain. Namun begitu, dapatan awal sulaman ini biasanya memaparkan, keindahan dan keharmonian alam semula jadi seperti Motif Sulur Kacang, Motif Bunga Ros, Motif Asam Gelugor/ Asam Tampuk, Motif Petola Mahkota dan Motif Geometri. Selain itu, sulaman kelingkan juga melibatkan kemahiran dan kreativiti penyulam kelingkan. Prosesnya memerlukan ketelitian dan kesabaran, dan iasering diajarkan dari generasi ke generasi. Menerusi sulaman ini, nilai-nilai estetika dan warisan budaya dapat dipertahankan dan diteruskan. Objektif penulisan ini adalah untuk mengenalpasti dan menjelaskan motif seni sulaman kelingkan dalam masyarakat Melayu di Negeri Kelantan.

Perbincangan

Motif flora, fauna dan geometri

Motif boleh ditakrifkan sebagai tujuan atau matlamat dalam unsur visual yang terdapat pada setiap hasil kraftangan dan ia juga merupakan lambang bagi mengindahkan fabrik hasil kraftangan. Bentuk motif biasanya diilhamkan daripada alam serta flora dan fauna (Abd. Rasid Ismail, et. al., 2016). Motif adalah suatu unit lakaran yang diulang-ulang untuk menghasilkan corak gubahan yang lengkap dan yang paling menonjol dan sesebuah karya. Ia merupakan unsur yang penting dan lazimnya mengandungi makna. Motif juga menyerlahkan konsep dan tema dalam menghasilkan sesuatu karya (Ocvirk, et. al, 2002). Motif juga boleh ditakrifkan sebagai unsur-unsur visual atau imej dalam sesebuah kerja seni.

Keunikan seni sulaman kelingkan Kelantan ini adalah kerana kepelbagaian citra budaya dalam memancarkan seni warisan khususnya seni sulaman kelingkan. Seni sulaman kelingkan initerkenal dengan kemahiran hasil kerja tangan yang dibuat oleh penyulam secara manual dengan teliti, kemas dan menarik. Seni ini melibatkan teknik sulaman yang menggunakan benang emas atau perak pada kain yang halus untuk menghasilkan corak yang rumit dan indah. Di sebalik keindahan teknik sulaman, corak dan motif memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan sulaman kelingkan. Masyarakat Melayu Kelantan menjadikan motif-motif alam, seperti flora dan fauna sebagai bahan rujukan untuk menghasilkan corak sulaman. Hal ini kerana, tumbuh-tumbuhan sering digunakan sebagai motif yang dominan atau sumber utama maklumat dan ilham terutamanya kepada pereka dan tukang buat motif Melayu (Siti Zainon, 1986). Penggunaan motif flora dan fauna biasanya akan digabungkan dalam pembuatan motif sulaman kelingkan. Terdapat enam motif yang dibincangkan dalam penulisan ini iaitu motif Sulur Kacang, Bunga Ros, Asam Gelugor / Asam Tampuk, Petola Mahkota dan Geometri.

Kesimpulan

Sulaman kelingkan mempunyai kepentingan yang besar dalam kebudayaan Melayu. Ia bukan sahaja merupakan simbol kekayaan dan kehalusan seni, tetapi juga melambangkan status dan kedudukan sosial. Sulaman kelingkan disulam pada selendang, kemudian ia digayakan Ketika majlis-majlis rasmi dan perayaan, seperti majlis perkahwinan, hari raya, dan upacara kebesaran diraja. Selain itu, sulaman kelingkan juga sering digunakan dalam pembuatan busana pengantin, menjadikannya lambang keindahan dan keistimewaan dalam perkahwinan Melayu. Pemakaian selendang yang disulam dengan motif tertentu menggunakan benang emas dan perak mencerminkan adat resam, identiti dan status sosial seseorang itu.



Sulaman kelingkan merupakan warisan khazanah negara yang tinggi nilainya lebih daripada sekadar seni tekstil. Kelingkan adalah simbol budaya dan identiti masyarakat Melayu yang kaya dengan sejarah dan makna. Melalui usaha pelestarian dan inovasi, seni ini dapat terus hidup dan berkembang, mengekalkan warisan tradisional sambil menyesuaikan diri dengan zaman moden. Keindahan dan makna mendalam yang terkandung dalam setiap jahitan kelingkan menjadikannya warisan yang sangat berharga dan perlu dipelihara. Sulaman kelingkan di Malaysia adalah satu bentuk seni tekstil tradisional yang indah dan halus. Motif-motif sulaman ini sering mencerminkan warisan budaya dan sejarah yang kaya, dengan pengaruh dari pelbagai kaum dan tradisi di negara ini. Motif-motif kelingkan biasanya terdiri daripada corak flora dan fauna seperti motif bunga seperti bunga raya, buah – buahan, sayur- sayuran dan motif daun seperti daun paku paku pakis, Rama-rama, etok, serta elemen geometri yang kompleks. Setiap rekaan bukan sahaja memperlihatkan kehalusan seni, tetapi juga membawa maksud simbolik tertentu yang merujuk kepada kepercayaan dan nilai-nilai masyarakat. Penggunaan benang emas atau perak dalam sulaman kelingkan menambah lagi elemen keindahan dan kemewahan, menjadikan hasil seni ini sesuatu yang sangat dihargai dalam budaya Malaysia. Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa warisan seni khazanah Melayu ini satu bentuk seni selaman tradisional yang memaparkan corak flora, fauna, dan geometri yang digabungkan sehingga menjadi satu motif yang kompleks. Ia mencerminkan warisan budaya dan nilai-nilai masyarakat tempatan, dihasilkan menggunakan benang emas atau perak untuk menambah keindahan dan kemewahan pada hasil seni tersebut.

Penyataan Etika

Pihak pengarang telah membaca, memahami dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Nik Norimani Mat Hassan: Penulis Utama dan Penulis Koresponden; Yusmilayati Yunos: Penulis, Semakan dan Penyuntingan.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja.



Rujukan

- Abd. Rasid Ismail, Ahmadrashidi Hasan & Shahariah Mohamed Roshdi. (2016). *Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu*. Prosiding ISME Pengukuhan Budi & Jati Diri. Tanjung Bidara Resort Melaka.
- Amirul Redzuan Sepini, Harleny Abd Arif & Norakmal Abdullah. (2019). *Reinventing Tradition Through Kelingkan Embroidery Handicraft in Malaysia*.
- Azah Aziz. (2009). *Rupa dan Gaya: Busana Melayu*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azran Arip. (2010). *Sulaman Warisan Sarawak: Tudung Keringkam*. Kuching, Sarawak: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak.
- Haziyah Hussin. (2009). *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Maizira Abdul Majid & Nor Hayati Abdul Rahman. (2022). Motif Flora dan Fauna dalam Sulaman Kelingkan Kelantan Berdasarkan Pendekatan Estetika Seni Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(1), 117-136. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(1\)n05](https://doi.org/10.37052/jm.15(1)n05)
- Nor Hayati Abdul Rahman dan Maizira Abdul Majid. (2021). Peranan dan Sumbangan NikRahimah Nik Idris dalam Bidang Sulaman Kelingkan. *JOMAS Jurnal Pengajian Melayu*, 32(1), 69-88.
- Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, Saiyidah Nur Huda Hamdzun & Narimah Abd Mutalib. (2022). The Function of Kelingkan in Malay Society. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 12(8), 757-773.
- Ocvirk G.O., Robert R. S., Philip R. W., Robert O. B. & David L. C. (2002). *Art Fundamentals*. Ninth Edition. New York: Glencoe/McGraw-Hill.
- Rosmariana Abdullah Rosli, Syeedelis Anak Sintau, Wan Satirah Wan Mohd Saman & Nurussobah. (2018). Mendalami Seni Warisan Sulaman Keringkam Sarawak menerusi kaedah Sejarah Lisan. *Jurnal Sejarah Malaysia*, 2(1), 97-105.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2012). Sulaman Kelingkan. Diakses daripada <https://anjawawww.ukm.my/atma/wp-content/uploads/2019/07/UMsia-190704-Warisan-Kilauan->